

U B692 BAH
MAHATHIR - MASJID

KUALA TERENGGANU, 17 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGUR SIKAP PARTI PEMBANGKANG YANG MENYALAHGUNAKAN MASJID UNTUK MENDAPAT PENGARUH RAKYAT.

KATANYA, SEBAGAI ALAT UNTUK MENCAPAI PERPADUAN, MASJID MESTILAH DIGUNAKAN SECARA BERSAMA OLEH SELURUH UMAT ISLAM DAN BUKANNYA SEKADAR OLEH SESUATU GOLONGAN SAHAJA.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN MASJID KAMPUNG BATU HAMPAR, MANIR KIRA-KIRA 15 KM DARI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DI SESETENGAH TEMPAT, BEBERAPA KEJADIAN YANG MEMALUKAN UMAT ISLAM, SEPERTI SEMBAHYANG DUA IMAM, TURUT BERLAKU.

+TIDAK SYAK LAGI, PERBUATAN YANG DIPELOPORI OLEH PARA PEMIMPIN PAS ITU MEMECAHBELAHKAN RAKYAT SEHINGGA ADA KALANGAN MEREKA YANG TIDAK MAHU LAGI BERSEMBAHYANG DI MASJID YANG DIIMAMKAN OLEH PENYOKONG-PENYOKONG UMNO,+ TEGASNYA.

KATANYA, SEMBAHYANG DUA IMAM, BERLAKU HASIL DARIPADA +FATWA-FATWA+ YANG DIBUAT OLEH PARA PEMIMPIN PARTI BERKENAAN DI SESETENGAH MASJID DI NEGARA INI.

+KEJADIAN BEGINI BUKAN SAHAJA MENGURANGKAN SEMANGAT PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT BAHKAN JUGA BOLEH MENJADI SENJATA KEPADA MUSUH-MUSUH ISLAM YANG BERSEDIA MENANGGUK DI AIR KERUH,+ KATANYA. -- BERNAMA.
2000MST 17 10 90